

B. BEKALAN CENDERAMATA KORPORAT	(i) Selaras dengan kekangan peruntukan semasa, pembekalan cenderamata korporat UMS oleh PKK adalah dihadkan dan hanya dipertimbangkan bagi tetamu kehormat yang melibatkan Naib Canselor dan Pegawai Utama Universiti, tertakluk kepada kesesuaian dan ketersediaan stok. (ii) Sehubungan itu, cenderamata korporat tidak akan dibekalkan oleh PKK bagi kategori berikut: a. Tetamu kehormat atau penceramah bagi program/aktiviti yang menjana pendapatan melalui kutipan yuran penyertaan; b. Program atau aktiviti yang menerima tajaan daripada pihak luar; c. Persidangan akademik yang mengenakan bayaran/yuran penyertaan; d. Program atau aktiviti yang menerima sumbangan kewangan daripada rakan kolaborasi; e. Penceramah atau ahli panel forum yang telah menerima bayaran honorarium; f. Kakitangan UMS yang menyertai majlis atau program Universiti; g. Kunjungan hormat, lawatan penandaarasan, lawatan balas dan semua bentuk kunjungan rasmi, kecuali kunjungan yang dihadiri oleh Naib Canselor dan Pegawai Utama Universiti; h. Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) serta Surat Niat (LoI); dan i. Mana-mana program atau aktiviti lain yang tidak termasuk dalam kategori keutamaan yang ditetapkan oleh PKK. (iii) Bagi program atau aktiviti yang memerlukan penyediaan cenderamata di luar kategori yang dinyatakan di atas, PTJ penganjur adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan menanggung sepenuhnya kos cenderamata berkenaan menggunakan peruntukan PTJ masing-masing, tertakluk kepada peraturan kewangan dan tatacara perolehan Universiti yang berkuat kuasa. (iv) Ketetapan ini tidak menjejaskan amalan penghargaan dan hubungan korporat Universiti. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kekangan peruntukan semasa, pemberian cenderamata hendaklah dilaksanakan secara selektif berdasarkan tahap keutamaan, kedudukan tetamu dan kepentingan Universiti.
---	--